

30 SEP 1996

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA PRESIDEN CHINA

KUALA LUMPUR, Sept 30 (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada President Jiang Zemin sempena ulangtahun ke-47 penubuhan Republik Rakyat China, esok.

Seri Paduka berharap hubungan erat sedia ada kedua-dua negara akan terus dipertingkatkan, demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan serupa kepada Perdana Menteri China, Li Peng, berkata beliau gembira bahawa Malaysia dan China bekerjasama erat dalam pelbagai usahasama.

Beliau mendapati semasa kunjungannya ke China, baru-baru ini, negara itu menunjukkan kemajuan dalam pembangunan ekonomi dan rakyatnya hidup makmur serta menikmati taraf hidup yang tinggi.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menghantar perutusan sama kepada Menteri Luar China, Qian Qichen, yang juga Naib Perdana Menteri -- BERNAMA

AZZ NAK